

12/05/1997

Pasukan pendaki Everest Indonesia diam-diam ubi

Khairdzir Yunus

JAKARTA: Ketika pasukan pendaki Malaysia masih berusaha menyesuaikan diri dengan iklim dan cuaca di pergunungan Everest, pasukan Indonesia telah lebih dahulu sampai ke puncak tertinggi dunia itu.

Dua rakyat Indonesia yang mencatat sejarah itu ialah Sarjan Satu Misirin, 31, dan Prajurit Satu Asmujiono, 26. Kedua-duanya ialah anggota tentera dari Pasukan Khusus Angkatan Darat Indonesia atau Kopassus.

Kedua-dua anggota Kopassus atau di Malaysia lebih dikenali sebagai Komando itu merupakan pendaki kedua dari Asia Tenggara yang sampai ke puncak Everest setinggi 8,848 meter itu pada jam 3.35 petang Sabtu 26 April lepas.

Clara Sumarwati, 30, dari Indonesia, ialah pendaki Asia Tenggara pertama yang menawan puncak Everest dengan melalui sempadan Tibet, pada September tahun lalu.

Selepas tiba di puncak gunung itu, Misirin dan Asmujiono bermalam di situ dan turun pada keesokannya.

Kejayaan pasukan Indonesia menjadi negara Asean pertama yang sampai ke puncak Everest itu tidak ditempuh dengan mudah.

Lebih lima bulan pasukan yang terdiri daripada 10 anggota Kopassus dan enam pendaki awam termasuk dari Persekutuan Pendaki Gunung Indonesia melakukan latihan keras di Markas Kopassus di Cijantung, Jakarta.

Pasukan itu, yang menjalani latihan sejak Oktober tahun lalu, turut berlatih mendaki beberapa puncak tinggi lain seperti puncak Paldor setinggi 5,928 meter dan puncak Imja Tse setinggi 6,189 meter.

Yang membimbing dan turut mengiringi mereka ke puncak Everest ialah tiga pendaki berpengalaman dari Russia yang pernah sampai ke puncak Everest pada 1995. Mereka ialah Vladimir Baskirov, Anatoly Boukerev dan Dr Vinogradsky - seorang doktor yang pakar dalam penyakit ketinggian.

Dengan perbelanjaan 2.9 bilion rupiah, pasukan Indonesia itu memulakan pendakian mereka 12 Mac lalu.

Pasukan yang terdiri daripada 16 anggota itu dibahagikan kepada dua pasukan. Satu pasukan memulakan pendakian mereka dari arah selatan, iaitu Nepal manakala yang satu lagi dari Tibet di utara.

Masirin dan Asmujiono menganggotai pasukan dari selatan itu yang dipimpin oleh Leftenan Satu Iwan Setiawan. Pasukan itu ialah yang pertama sampai ke puncak.

Yang turut mengiringi pasukan ini tiba di puncak ialah ketiga-tiga jurulatih dari Russia, dua orang Sherpa - Appa, 37, dan Dawa Nuru, 36, dan lapan penduduk setempat yang diupah untuk membawa bekalan dan peralatan.

Mereka mengikut jalan yang dirintis oleh Sir Edmund Hillary dan Tenzing Norgay - orang pertama yang menjejakkan kaki di Gunung Everest pada 1953.

Selama 42 hari pasukan itu `bertarung' dengan cuaca dan akhirnya berjaya sampai ke puncak Everest dengan mengatasi 14 pasukan lain termasuk dari Malaysia.

Usaha pasukan Indonesia untuk menakluki puncak tertinggi dunia itu bolehlah dikatakan sebagai `diam-diam ubi' kerana sepanjang usaha pendakian itu tiada langsung publisiti yang diberikan oleh pihak media di Indonesia

Hanya setelah berjaya tiba di puncak Gunung Everest, barulah akhbar-akhbar dan stesen televisyen tempatan menyiarkan berita kejayaan itu yang turut mendapat liputan akhbar-akhbar tempatan di Kathmandu.

Di KUALA LUMPUR, jurucakap Sekretariat Projek Malaysia-Everest '97 berkata, persoalan sama ada pasukan Malaysia mendapat terlalu banyak publisiti sepanjang pendakian hingga menjejaskan keupayaan mereka, tidak timbul sama sekali.

Pendakian pasukan negara merupakan projek yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta disokong sepenuhnya oleh Kementerian Belia dan Sukan, selain penaja swasta, katanya.

"Oleh itu sudah semestinya, Malaysia, sebagai sebuah negara membangun yang mempunyai banyak kemudahan akan memberi sokongan sepenuhnya kepada projek yang dianggap satu kebanggaan negara," katanya.

Jurucakap itu berkata pendaki Malaysia tidak langsung merasakan tumpuan mereka tergugat dengan adanya rakaman pendakian yang disiarkan di televisyen setiap hari selain laporan di akhbar tempatan.

"Setiap kali dihubungi, pendaki menyatakan rasa bangga dan semangat yang sentiasa berkobar-kobar untuk mendaki ke puncak Everest. Hanya keadaan cuaca yang buruk sahaja yang menyebabkan mereka agak sukar sampai ke puncak gunung itu," katanya.

Sejak pasukan pendaki negara tiba di Kem Pengkalan Everest Mac lepas hingga kini, Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) menunjukkan rakaman visual pendakian serta menghubungi pendaki melalui telefon untuk siaran di televisyen dan radio setiap hari. - Bernama

(END)